


Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

Motivasi bantu penagih dadah teruskan kehidupan
17 Jun 2011
Sinar Harian (Utara)
NEWS
N/A
Daily
60,000 /

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue

Malay
u13
266 cm²
Full Color
1,463
4,389



■ Antara penagih dadah dan keluarga mereka mengikuti motivasi berkenaan yang diadakan di D'Yan Chalet.

Motivasi bantu penagih dadah teruskan kehidupan

Headline	Motivasi bantu penagih dadah teruskan kehidupan	Language	Malay
Date	17 Jun 2011	Page No	u13
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)	Article Size	266 cm²
Section	NEWS	Color	Full Color
Journalist	N/A	ADValue	1,463
Frequency	Daily	PRValue	4,389
Circ / Read	60,000 /		

YAN – “Kebanyakan penagih te-
gar yang mengikuti motivasi ini
menunjukkan perkembangan
yang positif dalam perjalanan ke-
hidupan seharian mereka,” kata
Jurucakap Unit Metadon.

Menurutnya, kesemua pe-
nagih dadah berkenaan adalah
mereka yang mengambil dadah
secara suntikan di mana ia boleh
menjurus kepada HIV.

“Sebenarnya dengan ada-
nya motivasi seperti ini kita da-
pat menghalang penularan HIV
antara penagih khususnya dalam
daerah Yan. Kebanyakan yang da-
tang mengikuti motivasi ini ada-
lah mereka yang ingin berubah.

“Kesemua mereka yang ter-
libat dengan motivasi ini adalah
pelanggan metadon iaitu sejenis
dadah gantian daripada suntikan
dan kita boleh mengawal peng-
gunaannya dan dapat mengelak-
kan jangkitan HIV dalam kalang-
an penagih,” katanya.

Menurutnya, dengan peng-
ambilan metadon ia boleh men-
gawal penagih daripada ketagih
dadah seperti mofin dan heroin.

“Apabila kita mengadakan se-
minar seperti ini kita dapat me-
lihat kebanyakan penagih mem-
bawa kesan dan perubahan yang
baik dari segi kelakuan serta cara
pergaulan mereka dengan ke-
luarga, rakan sekerja dan masya-
rakat.

“Dalam program seperti ini

kita bukan sahaja memberi pen-
dedahan kepada mereka ber-
kenaan keagamaan malah kita
juga memberi pendedahan ke-
pada mereka berkenaan apa aki-
bat yang terpaksa mereka di-
tanggung jika mereka masih
terlibat dalam kancah dadah ini,”
katanya.

Menurutnya, motivasi ber-
kenaan bukan sahaja diadakan
di negeri ini sahaja malah ia tu-
rut diadakan di seluruh Malaysia
yang dikelolakan Kementerian
Kesihatan.

“Pada program ini, kita men-
jemput pihak Saif Coperation
untuk memberi ceramah bagi
membantu penagih untuk me-
neruskan hidup mereka dan
memberi dorongan kepada me-
reka supaya terus berubah demi
kebaikan,” katanya.

Wakil Saif Coperation,
Mohamad Ismail berkata, pro-
gram yang diadakan pihaknya se-
dia bekerjasama dengan Pejabat
Kesihatan bagi memupuk ke-
sedaran dalam diri penagih da-
dah.

“Kami mengambil kesempat-
an untuk berganding bahu ber-
sama-sama. Pejabat Kesihatan
bagi menjayakan program ini di
mana sebelum ini mereka hanya
mengambil metadon sahaja, na-
mun pada kali ini kita sertakan
dengan motivasi yang sangat ber-
faedah,” katanya.